

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN GURU AZHARIAH LANTIKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1. PENGENALAN

Guru Azhariah ialah jawatan yang diwujudkan bagi melaksanakan pengajaran berpandukan Kurikulum Azhariah yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK). Penempatan Guru Azhariah di sekolah-sekolah adalah untuk menampung keperluan guru yang akan mengajar mata pelajaran I'dadi dan Thanawi di sekolah yang melaksanakan kurikulum Azhariah dan mengambil peperiksaan I'dadi dan Thanawi.

2. PELANTIKAN GURU AZHARIAH

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) boleh melantik calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan untuk dilantik sebagai Guru Azhariah berdasarkan kuota dan peruntukan kewangan semasa. Penempatan Guru Azhariah di sekolah-sekolah yang melaksanakan kurikulum Azhariah hendaklah berdasarkan nisbah 1:25 orang murid.

3. TARAF JAWATAN

- a. Jawatan Guru Azhariah merupakan jawatan bertaraf kontrak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak.

- b. Dalam tempoh perkhidmatan guru , jabatan hendaklah membayar elaun bulanan guru sebanyak RM1200.00 (Ringgit Malaysia : SATU RIBU DUA RATUS SAHAJA) sebulan sehingga tempoh kontrak ditamatkan.
- c. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO akan dilakukan oleh pihak jabatan.
- d. Pihak sekolah perlu membayar RM20.00 sewaktu kepada Guru Azhariah apabila diminta untuk mengajar mata pelajaran lain selain daripada mata pelajaran hakiki.

4. SYARAT KELAYAKAN GURU AZHARIAH

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun dan tidak melebihi enam puluh tahun pada tarikh lantikan.
- c. Memiliki kelulusan seperti berikut :

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian sekurang-kurangnya Gred C bagi subjek :

 - i. **Bahasa Melayu dan Bahasa Arab Tinggi** atau **Bahasa Arab Komunikasi** serta;
 - ii. Pendidikan Islam atau
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah; atau
 - iv. Pendidikan Syariah Islamiah ;
- d. Mendapat pangkat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dalam peperiksaan Thanawi atau setaraf.

- e. Calon yang mempunyai sijil yang lebih tinggi daripada syarat yang ditetapkan boleh dipertimbangkan oleh panel penemu duga.

5. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PELANTIKAN GURU AZHARIAH

- a. Mana-mana individu yang berminat dan berkecenderungan hendaklah melengkapkan borang permohonan jawatan guru Azhariah dan melampirkan sijil-sijil yang berkaitan serta resume lengkap ke Bahagian Pendidikan JAIPk. Pemilihan Guru Azhariah akan dibuat melalui proses **Temu duga**.
- b. Guru Azhariah dilantik berdasarkan kepada perakuan Panel Penemu duga dan tertakluk kepada kuota dan peruntukan kewangan Kerajaan Negeri.
- c. Calon yang berjaya akan mendapat Surat Pelantikan Guru Azhariah dan borang perjanjian Guru Azhariah. Borang perjanjian tersebut hendaklah dikembalikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran lantikan diterima.

6. TEMPOH LANTIKAN GURU AZHARIAH

- a. Kontrak Guru Azhariah selama 2 tahun dan boleh dilantik semula dengan sokongan daripada pengetua sekolah dan perakuan daripada Pengarah JAIPk serta berumur tidak melebihi enam puluh tahun dari tarikh kelahiran Guru Azhariah.
- b. Guru Azhariah hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah JAIPk untuk dilantik semula dalam tempoh

tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh kontrak pelantikan sebagai Guru Azhariah.

- c. Guru Azhariah juga dikehendaki mencapai markah minimum 85% dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang diisi secara manual untuk melayakkan kontrak disambung semula.

7. TUGAS GURU AZHARIAH

Tugas Guru Azhariah adalah mengajar mata pelajaran yang terdapat dalam kurikulum Azhariah, sekurang-kurangnya 15 waktu seminggu merangkumi hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran seperti yang berikut :

- a. Tugas dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)
 - i. mengajar semua mata pelajaran yang ditetapkan
 - ii. memiliki, memahami dan boleh mentafsir serta menghuraikan sukatan pelajaran dan huraian mata pelajaran berkenaan
 - iii. menyediakan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
 - iv. merekod kehadiran murid dalam jadual kehadiran murid (JKM).
 - v. menyediakan dan memberi latihan yang mencukupi serta memeriksa buku latihan murid.
 - vi. menjalankan Pentaksiran dan merekod keputusan
 - vii. mengenal pasti kelemahan murid dan menjalankan kelas bimbingan
 - viii. memastikan keselamatan dan mengawasi kebersihan diri murid
 - ix. Menghadiri mesyuarat, taklimat, kursus, bengkel atau apa-apa program yang berkaitan dengan mata pelajaran yang dianjurkan

oleh mana-mana pihak berautoriti (**SEKOLAH DAN JAIPK SAHAJA**)

- x. Mengikuti perkembangan dan pembaharuan semasa berkaitan teknik mengajar bagi mata pelajaran berkenaan
- xi. melaporkan kepada Guru Penyelaras atau Jurulatih Utama Azhariah daerah masing-masing tentang masalah pengajaran dan pembelajaran murid untuk tindakan susulan.

b. Tugas pengurusan peperiksaan :

- i. mengemas kini data calon
- ii. menyediakan soalan
- iii. pengawasan peperiksaan
- iv. memeriksa skrip jawapan
- v. merekod keputusan.
- vi. menganalisis keputusan
- vii. menghantar laporan peperiksaan ke Bahagian Peperiksaan

c. Tugas pentadbiran:

- i. mengawal dan menyelia keadaan di dalam bilik darjah.
- ii. menyelaras penggunaan buku Azhariah
- iii. mengawasi kebersihan bilik darjah dan kawasan premis.
- iv. mematuhi semua arahan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak sekolah dan JAIPK yang berkaitan dengan aktiviti sekolah sahaja.
- v. menanda tangani rekod kehadiran guru setiap kali hadir ke sekolah dan perlu dihantar pada setiap hujung bulan kepada Jabatan Agama Islam Perak.

- d. Setiap guru Azhariah hendaklah hadir ke sekolah dan berada di sekolah 1sekurang-kurang 5 jam sehari.

8. ETIKA GURU AZHARIAH

- a. Guru Azhariah hendaklah mematuhi segala undang-undang atau apa-apa arahan atau pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- b. Guru Azhariah hendaklah mematuhi etika sebagai seorang pendidik sepanjang masa termasuk dari sudut pakaian, perwatakan dan penampilan sama ada di premis atau semasa menghadiri apa-apa program rasmi anjuran JAIPk dan sekolah.
- c. Guru Azhariah adalah dilarang untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti politik. JAIPk boleh mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana guru Azhariah yang melanggar peraturan ini.
- d. Guru tidak boleh meninggalkan kelas dengan sesuka hati tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengetua/Pegawai Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak.
- e. Guru tidak boleh menyalahgunakan kedudukan atau kuasanya dalam sebarang hal yang bertentangan dengan bidang tugasnya.
- f. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa.
- g. Guru hendaklah menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi dan menunjukkan usaha serta berminat untuk mendidik murid-murid.
- h. Guru tidak boleh melakukan sesuatu yang bercanggah dengan Undang -undang Negara.

- i. Guru yang didapati tidak hadir menjalankan tugas tanpa sebab-sebab yang munasabah, tidak akan dibayar elaun bagi tempoh ia tidak hadir dan tempoh berkenaan tidak layak diluluskan cuti.

9. LATIHAN GURU AZHARIAH

- a. Guru Azhariah wajib menghadiri latihan/kursus yang dianjurkan oleh JAIPK atau pihak sekolah sekurang-kurangnya 5 hari setahun atau 15 jam setahun.
- b. Pihak Jabatan boleh menamatkan perkhidmatan Guru Azhariah pada bila-bila masa sahaja sama ada atas sebab pelanggaran tata tertib atau sebab lain yang munasabah demi menjaga kepentingan awam dan agama Islam tanpa perlu memberi apa-apa sebab kepada tuan/puan atas keputusan untuk menamatkan perkhidmatan.
- c. Guru Azhariah dikehendaki memberi SATU bulan notis atau membayar sebulan elaun sebagai ganti notis apabila Guru Azhariah memohon untuk berhenti kerja.
- d. Guru Azhariah diminta dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan memaklumkan kepada Pengarah JAIPK dengan notis secara bertulis bagi tujuan penyambungan semula pelantikan.
- e. Pihak Jabatan tidak terikat untuk melanjutkan tempoh pelantikan atau melantik Guru Azhariah semula apabila tempoh pelantikan berakhir.
- f. Had umur maksimum bagi pelantikan guru Azhariah adalah 60 tahun.

10. PENGURUSAN CUTI

- a. Penggal persekolahan dan cuti adalah sebagaimana yang diamalkan oleh sekolah-sekolah kerajaan. Andaikata pihak sekolah meminta Guru Azhariah untuk bertugas semasa cuti sekolah, guru berkenaan hanya dibenarkan untuk bertugas **selama 2 hari seminggu**.
- b. **CUTI SAKIT BERGAJI PENUH** dibenarkan sebanyak **LIMA BELAS (15)** hari sahaja dalam setahun dengan mengemukakan sijil cuti yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan / swasta.
- c. **CUTI BERSALIN BERGAJI PENUH** dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh pelantikan, iaitu tidak lebih daripada **60** hari. Guru yang dilantik semula boleh terus menikmati faedah tersebut ,tetapi tidak lebih dari **LIMA (5)** kali sepanjang perkhidmatan. Jika dalam sesuatu tempoh pelantikan , seseorang guru telah habis menggunakan kelayakan cuti bersalin , beliau hendaklah memohon **CUTI TIDAK BERGAJI** selama tidak lebih daripada 60 hari apabila bersalin sekali lagi dalam tempoh perkhidmatan yang sama.
- d. **CUTI ISTERI BERSALIN** dibenarkan selama **TUJUH (7)** hari termasuk hari dan kelepasan am sebagai cuti tanpa rekod bermula pada tarikh isteri bersalin atau pada hari berikutnya jika bersalin selepas waktu kerja. Kemudahan ini dihadkan sebanyak **LIMA (5)** kali sepanjang tempoh perkhidmatan.
- e. Pihak Jabatan boleh memberi **CUTI TANPA REKOD** kepada guru yang mengikuti kursus yang diluluskan. Kadar kelayakan adalah 9 jam berkursus bersamaan 1 hari cuti tanpa rekod .Guru hendaklah mengemukakan salinan jadual waktu berkursus kepada pihak sekolah.

- f. **CUTI REHAT KHAS** dibenarkan sebanyak **SEPULUH (10)** hari setahun setelah mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Sekolah. Cuti Rehat Khas yang tidak dihabiskan pada tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.
- g. **CUTI URUSAN KEMATIAN** bagi keluarga terdekat dibenarkan selama **TIGA (3)** hari berturut-turut sebagai **CUTI TANPA REKOD** termasuk hari rehat dan hari kelepasan am. Guru hendaklah mengemukakan salinan pengesahan kematian kepada pihak sekolah dan Ketua Jabatan.
- h. **CUTI BERGAJI PENUH** untuk menunaikan Fardu Haji selama tidak lebih daripada 40 hari boleh diberikan kepada seseorang guru yang telah memberi sumbangan khidmat kepada sekolah agama secara terus menerus selama tidak kurang daripada **EMPAT (4) tahun**. Permohonan cuti Haji hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan.
- i. **CUTI BERGAJI PENUH** untuk menunaikan ibadah umrah adalah tertakluk kepada **maksimum TUJUH (7)** hari sahaja seumur hidup, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Permohonan cuti Umrah hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan bagi kelulusan Ketua Jabatan. Waktu menunaikan umrah hanya dibenarkan semasa cuti sekolah sahaja.
- j. Seseorang guru boleh memohon CUTI TANPA GAJI untuk sesuatu tujuan peribadi atau urusan persendirian yang difikirkan munasabah **tidak lebih daripada dua (2) minggu**. Permohonan cuti ini hendaklah disertakan dengan dokumen berkaitan bagi kelulusan Ketua Jabatan.

- k. Semua permohonan cuti hendaklah direkodkan oleh pihak sekolah berserta salinan sokongan yang berkaitan dan perlu menghantar kepada pihak Jabatan pada setiap hujung bulan.